



---

Submission date: 05/09/2018

Accepted date: 22/10/2018

---

## KOSMOLOGI ISLAM DAN KOSMOLOGI MELAYU: ANALISIS PERBANDINGAN ASPEK-ASPEK PENCiptaan ALAM BERDASARKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

*The Malay and Islamic Cosmologies: Comparative Analysis of Aspects of  
Creation of the Universe Based on al-Quran and al-Sunnah.*

Roshimah Shamsudin & Noor Shakirah Mat Akhir

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

roshimah@usm.my

### Abstrak

Perbincangan mengenai kosmologi Melayu tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat Melayu yang berperanan mencorakkan pembentukan ketamadunan Melayu. Antara dimensi yang membentuk ketamadunan Melayu ialah kepercayaan orang Melayu tentang alam. Dalam hal ini, kedatangan Islam telah berupaya memberi anjakan yang ketara daripada sudut pemikiran masyarakat Melayu tentang alam termasuklah dalam aspek penciptaan alam. Namun, kepercayaan tradisi yang berunsurkan pengaruh Animisme dan Hindu Budha yang telah berakar umbi dalam masyarakat masih tidak terhakis sepenuhnya. Justeru, artikel ini bertujuan mengkaji kosmologi Melayu dan kosmologi Islam dengan membandingkannya daripada aspek penciptaan alam. Perbandingan tersebut dibincangkan berasaskan dalil-dalil naqli daripada al-Quran dan al-Sunnah. Kajian yang berbentuk kualitatif ini dilaksanakan melalui kajian kepustakaan dengan mendapatkan data-data daripada karya-karya induk dalam bidang tafsir dan hadith. Data-data tersebut dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa elemen kosmologi Melayu yang didapati bertepatan dengan nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah, umpamanya alam terbentuk daripada unsur tanah, api, air dan angin. Namun masih terdapat beberapa elemen yang dilihat amat bertentangan umpamanya konsep Nur Muhammad. Penulisan ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam usaha memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah yang sahih sebagai teras kosmologi Melayu.

Kata kunci: kosmologi Melayu, kosmologi Islam, penciptaan alam, al-Quran, al-Sunnah.

### Abstract

The discussions on the Malay cosmology are inseparable from the lives of the Malay community that it plays a role in the formation of the Malay civilisation. Among the dimensions that shaped the Malay civilisation are their beliefs of nature. With the advent of Islam these beliefs had a massive shift including with regards to the creation of universe. However, the traditional belief system having deep rooted traditions drawn from animism and that of Hindu-Buddhism origin, are hard to recuperate from. Therefore this article seeks to study the Malay cosmology and that of the Islamic by way of comparing the two in light of the aspect of natural creation. The comparison is based upon the evidence found in the al-Quran and al-Sunnah. This qualitative study is conducted via library research by obtaining data from the major works of tafsir and hadith. Data were analysed based on inductive and deductive methods. The finding shows that there are a few elements of Malay cosmology which coincide with the teachings found in the al-Quran and hadith; for example that the universe is created out of soil, fire, water and wind. However, there are some which contradict both sources one of which is the Nur Muhammad concept. This writing is expected to contribute in the efforts to uphold the al-Quran and Hadith as the authentic sources for the Malay cosmology.

**Keywords:** Malay cosmology, Islamic cosmology, creation of universe, al-Quran, al-Sunnah.

### PENDAHULUAN

Artikel ini memberi tumpuan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kosmologi masyarakat Melayu dengan menfokuskannya kepada aspek penciptaan alam. Dalam hal ini, penumpuan diberikan kepada aspek-aspek yang terdapat dalam karya-karya yang berlebar dalam masyarakat tempatan. Aspek-aspek ini akan dianalisis berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Justeru itu, antara perkara utama yang menjadi pokok perbincangan ialah istilah kosmologi itu sendiri. Pada dasarnya, kosmologi merupakan istilah yang berasal daripada cantuman dua perkataan Greek iaitu *cosmos* dan *logos*. Perkataan *cosmos* bermaksud alam semesta atau dunia yang teratur, manakala perkataan *logos* pula membawa maksud “penyelidikan tentang atau asas-asas rasional” (Abdul Rahman, 1998: 1). Selaras dengan itu, perkataan kosmos didefinisikan oleh Kamus Dewan sebagai alam semesta (Noresah, 1997: 656). Selanjutnya, kosmologi boleh ditakrifkan sebagai suatu kajian berkaitan dengan evolusi dan struktur alam semesta yang teratur yang ada masakini (Abdul Rahman, 1998:1) Selain itu, kosmologi juga ditakrifkan sebagai pengajaran tentang skala besar struktur dan evolusi alam semesta (Aminuddin, 1999: 1).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, secara ringkasnya dapat dikatakan bahawa kosmologi itu merujuk kepada penyelidikan tentang alam semesta dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini menunjukkan bahawa kajian tentang alam semesta itu mempunyai ruang lingkup yang sangat luas kerana alam semesta itu melibatkan langit, bintang-bintang, bumi dan segala unsur yang berada dalam lingkungannya. Selaras dengan itu juga, kosmologi Melayu difahami sebagai kajian mengenai alam semesta berdasarkan pengetahuan masyarakat Melayu. Kosmologi Melayu juga dikaitkan dengan perbincangan aspek yang pelbagai, antaranya menerusi perbincangan Mohamad Abu Bakar dalam kertas kerjanya yang bertajuk Kosmologi Melayu Dalam konteks Kebangkitan Semula Islam Kini : Suatu Refleksi. Dalam kertas kerja berkenaan, Mohamad Abu Bakar dilihat mengaitkan persoalan atau perbincangan kosmologi Melayu dengan pandangan-dunia (*world-view*) (Mohamad, 1994 :34). Pertalian antara persoalan kosmologi dan persoalan pandangan-dunia atau *world-view* wujud disebabkan kajian *world-view* merupakan satu usaha untuk mengkaji cara kelompok masyarakat tertentu memandang alam *natural* dan alam *supernatural*, serta masyarakatnya dan juga diri mereka sendiri (Abdul Rahman, 1998:1). Sehubungan itu, kosmologi juga turut didefinisikan sebagai pandangan seseorang kepada sistem alam dan sekelilingnya yang dapat menjamin keharmoniannya dalam sistem yang teratur dan tertib (Mahadzir, 1994: 419). Memandangkan istilah kosmologi itu mempunyai skop yang sangat luas, perbincangan dalam kertas kerja ini dibataskan kepada aspek-aspek kosmologi Melayu yang berkaitan dengan penciptaan alam sahaja.

## **KOSMOLOGI MELAYU**

Kosmologi Melayu turut merasai tempias kedatangan Islam. Kedatangan Islam telah berupaya menyuntik dasar-dasar kosmologi Islam ke dalam kosmologi Melayu lama. Namun ini tidak bermakna keseluruhan masyarakat menerima transformasi yang berlaku dalam aspek kosmologi akibat kedatangan Islam. Masih ada yang tegar dengan tradisi lama meskipun bertentangan dengan lunas-lunas Islam. Di samping itu, masyarakat Melayu juga berdepan dengan pengaruh kosmologi sekular (Mohamad, 1994: 49-50). Atas dasar tersebut, artikel ini dihasilkan untuk menganalisis kosmologi Melayu berpandukan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, artikel ini akan menggariskan beberapa aspek dalam kosmologi Melayu yang berkaitan dengan penciptaan alam yang terdapat dalam karya-karya tertentu. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Orang Melayu mempercayai bahawa alam yang diciptakan ini terdiri daripada alam nyata dan alam ghaib. Kepercayaan ini mempunyai pertalian yang sangat erat dengan sistem kepercayaan dan agama yang mereka anuti. Bagi

masyarakat Melayu, alam yang terdiri daripada alam nyata dan alam ghaib merupakan makhluk yang diciptakan lebih awal daripada manusia. Alam dengan segala unsur yang ada di dalamnya menjadi inspirasi pemikiran manusia. Justeru itu, kewujudan alam dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai tanda kekuasaan Allah Yang Maha Pencipta (Haron, 2002:115-116).

Masyarakat Melayu mempunyai pemahaman bahawa alam nyata yang terdiri daripada langit dan bumi serta isinya dapat dilihat dengan mata kasar mereka. Langit yang berada di atas bumi adalah sangat luas, memiliki tujuh lapisan dan terdapat matahari, bulan serta bintang-bintang. Begitu juga dengan bumi yang terdiri daripada tujuh lapis, permukaannya dipenuhi air seperti laut, tasik dan sungai dan juga tanah seperti bukit dan gunung. Lapisan bumi yang paling bawah difahami oleh masyarakat Melayu sebagai perut bumi. Selain itu, dipercayai juga terdapat pusat tasik di tengah lautan yang disebut sebagai pusat tasik Pauh Janggi. Pusat tasik tersebut merupakan lubang besar di dasar lautan yang didiami oleh ketam raksasa. Mereka juga percaya yang tempat berkenaan turut didiami oleh naga. Di samping itu, mereka turut mempercayai bahawa bumi memiliki satu lagi tempat yang dikenali dengan istilah “seberang laut” yang merupakan tempat kediaman binatang-binatang ajaib seperti garuda, buaya putih dan gajah putih (Haron, 2002: 116).

Satu perkara lagi yang perlu dijelaskan mengenai kosmologi orang Melayu ialah mereka mempercayai bahawa terdapat empat unsur utama yang membentuk keseluruhan alam nyata iaitu tanah, air, api dan angin yang selanjutnya pula dipercayai bersifat sejuk, lembap, panas dan kering. Keempat-empat unsur ini bukan sahaja membentuk alam, bahkan juga membentuk diri manusia. Justeru, persamaan unsur dalam aspek pembentukan telah menjadikan hubungan manusia dan alam terjalin dengan sangat rapat (Haron, 2002 : 116).

2. Seterusnya kosmologi Melayu juga mempunyai kaitan dengan ilmu Martabat Tujuh. Ini seperti yang dikemukakan oleh AbdulFatah Haron yang menyatakan bahawa Martabat Tujuh adalah kosmologi Melayu. Menurut beliau, alam Melayu sudah lama kenal dengan ilmu Martabat Tujuh (AbdulFatah, 1994: 288). Pandangan yang senada turut disuarakan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah yang menyatakan bahawa sistem kosmologi Melayu bertitik-tolak daripada ajaran Martabat Tujuh (Abdul Rahman, 1998: 32). Ilmu Martabat Tujuh ini merupakan ringkasan daripada 40 martabat menurut perkiraan al-Jili yang secara ringkasnya dapatlah dikatakan mengutarakan konsep bahawa kewujudan Allah dan alam adalah satu jua tapi berlapis-lapis, yang dikenali dalam bahasa Arab dengan istilah *martabat*. Ilmu ini juga terdapat dalam ajaran *Wahdat al-Wujud* (AbdulFatah, 1994:269). Secara lebih spesifik lagi, ajaran ini menekankan bahawa wujud Allah itu adalah sebenar wujud, manakala wujud alam selain Allah adalah semata-mata

bayangan bagi wujud-Nya ataupun dinamakan *tajalli* (penjelmaan) (AbdulFatah, 1994:277).

Konsep *tajalli* atau *emanasi* dalam ajaran martabat Tujuh ini ada kaitannya dengan Nur Muhammad yang dikatakan sebagai kejadian pertama yang diciptakan oleh Tuhan. Daripada Nur Muhammad inilah alam diciptakan. Nur ini pada mulanya berbentuk burung yang diletakkan bersama-sama sebatang pokok yang dikenali dengan nama al-Mustaqim selama 70 ribu tahun. Nur ini kemudiannya menjadi malu disebabkan Allah meletak cermin di hadapannya lantas mengeluarkan peluh. Titik-titik peluh yang dikeluarkan ini menghasilkan roh-roh para nabi, sahabat nabi dan makhluk yang lain di alam ini (Abdul Rahman, 1998 : 51).

Daripada aspek yang lain, perbahasan mengenai Nur Muhammad juga mempunyai hubung kait dengan cerita nabi nabi yang terdapat dalam karya-karya Melayu. Ini kerana terdapat naskhah-naskhah cerita para nabi yang mengandungi sisipan Hikayat Nur Muhammad yang menceritakan Nur Muhammad sebagai suatu hakikat kejadian yang mula-mula sekali diciptakan oleh Allah. Kisah-kisah nabi ini selain menceritakan kejadian Nur Muhammad, turut menyelitkan penceritaan mengenai asal kejadian langit dan bumi (Hamdan, 1990: xxxv). Langit dan bumi dikatakan berasal daripada mutiara putih yang kemudiannya menjadi air. Air ini selanjutnya menjadi beku. Allah kemudian menciptakan api untuk memanaskan air berkenaan lalu mengeluarkan asap dan diikuti dengan buih-buih. Air yang cair itu adalah sumber kejadian langit manakala buih-buih itu merupakan sumber kejadian bumi. Pusat bagi bumi ialah Mekah yang terdapat Kaabah Allah. Menurut cerita tersebut, Allah telah menjadikan seekor ikan yang sangat besar di dalam air. Di belakang ikan itu terdapat seekor lembu yang berwarna putih bercampur hijau. Saiz lembu itu adalah sangat besar dan panjang. Lembu tersebut memiliki 400 tanduk dan panjang setiap tanduk itu bersamaan dengan tempoh 40 tahun perjalanan. Kedudukan bumi ialah di atas tanduk tersebut. Apabila merasa letih menjunjung bumi, lembu tersebut akan memindahkan bumi itu dari satu tanduk ke tanduk yang lain. Perpindahan bumi dari satu tanduk ke tanduk yang lain inilah menyebabkan berlakunya kejadian gempa bumi dari masa ke masa (Hamdan, 1990: 1).

## **ANALISIS**

Aspek-aspek dalam kosmologi Melayu yang berkaitan dengan penciptaan alam akan dianalisis seperti berikut :

1. Kewujudan alam nyata dan alam ghaib.

Al-Quran menerusi beberapa ayat, antaranya dalam surah al-An'am:73, al-Tawbah : 94, 105, al-Ra'd: 9, al-Mukminun : 92, al-Sajdah : 6, al-Zumar :46, al-Hasyr : 22, al-Jum'ah : 8 dan al-Taghabun : 18 menggunakan kalimah عالم الغيب والشهادة untuk menggambarkan kewujudan alam nyata dan alam ghaib. Contoh yang lebih spesifik dapat dilihat pada ayat berikut :

و هو الذي خلق السماوات والأرض بالحق ويوم يقول كن فيكون قوله الحق وله الملك يوم ينفح في الصور عالم الغيب والشهادة وهو الحكيم الخبير

Maksudnya : Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar, dan (Dialah juga) pada masa (hendak menjadikan sesuatu) berfirman : "Jadilah", lalu terjadilah ia. Firman-Nya itu adalah benar. Dan bagi-Nyalah kuasa pemerintahan pada hari ditiupkan sangkakala. Dia yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata dan Dialah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya.

Al-Tabari mengaitkan tafsiran عالم الغيب والشهادة dengan sifat Allah yang Maha mengetahui perkara-perkara yang dapat disaksikan oleh pandangan mata manusia dan juga perkara-perkara yang tidak dapat dilihat dan ditembusi oleh pancaindera manusia (Al-Tabari, 2000:11/464). Kalimah turut عالم الغيب والشهادة ditafsir oleh Ibn Kathir sebagai السر والعلانية yang membawa pengertian yang tersembunyi dan jelas serta terang (Ibn Kathir, 2005: 3/193). Penafsiran di atas memberi indikasi bahawa terdapat alam yang dapat disaksikan oleh manusia dan ada alam lain yang tidak dapat dijangkau oleh pancaindera manusia. Alam yang dapat disaksikan merujuk kepada alam nyata, manakala alam yang tidak dapat disaksikan merujuk kepada alam ghaib.

Dalam konteks al-Sunnah pula, kalimah عالم الغيب والشهادة yang terdapat dalam doa yang diajarkan oleh Nabi SAW ketika menunaikan solat malam<sup>1</sup> (Al-Nawawi, 1929: 6/56) membawa pengertian yang senada dengan tafsiran para ulama tafsir. Penelitian dalam beberapa kitab syarah hadith mendapati bahawa kalimah berkennaan ditakrifkan sebagai sifat Allah yang Maha mengetahui segala yang tersembunyi daripada manusia dan segala yang jelas bagi mereka (Ibn Hajar, 2006: 5/340).

Selaras dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa pemahaman masyarakat Melayu dalam konteks ini tidak bercanggah dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

## 2. Alam nyata dan alam ghaib diciptakan lebih awal daripada manusia.

<sup>1</sup> اللهم رب جباريل وMicahiel وإسرافيل فاطر السماوات والأرض عالم الغيب والشهادة أنت تحكم بين عبادك فيما كانوا فيه يختلفون...

Dalam surah al-Baqarah ayat 30, Allah berfirman :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلملائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيُسْفِكُ الدَّمَاءَ وَنَحْنُ نُسْبِحُ بِحَمْدِكَ وَنَقْدِسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya : Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu? Tuhan berfirman: “Sesungguhnya mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”.

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapatlah difahami bahawa alam ini diciptakan lebih awal daripada manusia. Ayat-ayat mengenai penciptaan Adam yang terdapat dalam awal surah al-Baqarah termasuk juga ayat ini menurut al-Mu‘allimi memberi petunjuk bahawa bumi telah wujud sebelum Adam yang sekaligus menegaskan bahawa penciptaan Adam adalah kemudian daripada penciptaan langit dan bumi (Al-Mu‘allimi, 1958:188-189).

Selain itu terdapat hadith (Al-Albani, 1995: 4/172) yang berbunyi :

إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ مِنْ قَبْصَةٍ قَبْضَهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَرْضِ ...

Maksudnya : Sesungguhnya Allah mencipta Adam daripada segenggaman tanah yang mengandungi semua jenis tanah bumi ...

Difahami daripada hadith tersebut bahawa penciptaan Adam berasal daripada unsur bumi. Ini sekaligus menandakan bahawa bumi mendahului Adam dalam penciptaan makhluk.

Penciptaan Adam adalah yang terakhir selepas penciptaan tanah, bukit, pokok dan lain-lain berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim (Al-Nawawi, 1929:17/133):

خَلَقَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ التَّرْبَةَ يَوْمَ السَّبْتِ وَخَلَقَ فِيهَا الْجَبَلَ يَوْمَ الْأَحَدِ وَخَلَقَ الشَّجَرَ يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ وَخَلَقَ الْمَكْرُوهَ يَوْمَ الْثَّلَاثَاءِ وَخَلَقَ النُّورَ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ وَبَثَّ فِيهَا الدَّوَابَ يَوْمَ الْخَمِيسِ وَخَلَقَ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامَ بَعْدَ الْعَصْرِ مِنْ يَوْمِ الْجَمْعَةِ فِي آخرِ الْخَلْقِ فِي آخرِ سَاعَةٍ مِنْ سَاعَاتِ الْجَمْعَةِ فِيمَا بَيْنَ عَصْرِهِ إِلَى اللَّيْلِ

Maksudnya : Allah mencipta tanah pada hari Sabtu, gunung-ganang pada hari Ahad, pohon-pohon pada hari Isnin, benda yang dikeji pada hari Selasa, Cahaya pada hari rabu, binatang-binatang yang melata pada hari Khamis, Adam pada hari Jumaat pada saat terakhir pada waktu siang selepas Asar.

Namun, hadith ini menjadi perbahasan ulama. Ada ulama yang mempertikaikan kesahihan hadith ini dan ada yang mempertahankan statusnya. Namun al-Albani menerima hadith ini sebagai sahih (Al-Albani 1995:4/449). Kesahihan hadith ini turut dipertahankan oleh Ahmad Muhammad Shakir iaitu seorang lagi tokoh hadith kontemporari yang mentahqiq Kitab *Tafsir al-Tabari* (Al-Tabari 2000: 15/244). Manakala Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula cenderung kepada pandangan yang hadith ini merupakan kata-kata Ka'ab al-Ahbar dan bukannya daripada nabi saw. Ini berdasarkan kepada pandangan oleh al-Bukhari (Ibn Qayyim, 1988: 83).

كان الله ولم يكن شيءٌ غيره وكان عرشه على الماء<sup>2</sup> ... turut menyentuh mengenai susunan penciptaan makhluk. Beliau mengaitkan susunan penciptaan ini dengan riwayat كان عرشه على الماء ثم خلق القلم فقال اكتب ما هو كائن ثم خلق السموات والأرض وما فيهن<sup>3</sup>. Daripada riwayat tersebut difahami bahawa penciptaan langit dan bumi adalah yang terakhir selepas penciptaan Arasy dan *al-qalam* (Ibn Hajar, 2001: 6/333).

Selaras dengan itu, Danial Zainal Abidin dalam bukunya *Quran Saintifik* turut bersetuju bahawa alam semesta diciptakan terdahulu sebelum segala isi kandungannya (2010:35). Beliau juga menampilkkan fakta bahawa 1 billion selepas kejadian bumi dan atmosfera yang berhubungan dengannya lahir hidup-hidupan yang mendiami bumi (Danial, 2010:58-59).

### 3. Tujuh lapisan langit dan bumi.

Kalimah tujuh lapisan langit (سبع سموات) memang terdapat dalam al-Quran seperti dalam surah al-Baqarah : 29, al-Fusilat : 12, al-Mulk: 3, dan Nuh :15, manakala untuk bumi tidak disebut perkataan tujuh selepas kalimah bumi (الأرض) seperti mana yang digunakan untuk langit. Ini dapat dilihat pada ayat dalam surah al-Talaq; 12:

الله الذي خلق سبع سموات ومن الأرض مثنى ..

Maksudnya : Allah yang menciptakan lapisan tujuh langit dan seperti itu juga bumi.

Ibn Kathir dalam kitab tafsirnya menyatakan bahawa bumi turut mempunyai tujuh lapisan seperti mana ciptaan tujuh lapisan langit. (Ibn Kathir 1999: 8/156) Beliau membawa dalil daripada hadith yang terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* (Ibn Hajar,

<sup>2</sup> Maksudnya : Allah itu ada dan tidak ada sesuatu selain-Nya dan adalah Arasy-Nya di atas air..

<sup>3</sup> Maksudnya : Adalah Arasy-Nya di atas air kemudian Allah menciptakan *al-Qalam* lalu berfirman : tulislah akan segala yang ada, kemudian Allah ciptakan langit dan bumi serta segala isi kandungannya.

2001:5/124) dan *Sahih Muslim* (Al-Nawawi, 1929: 11/50) untuk membuktikan bahawa bumi juga mempunyai tujuh lapisan. Antaranya hadith :

من ظلم قيد شبر من الأرض طوقة من سبع أرضين

Maksudnya : Sesiapa yang merampas meskipun sedepa daripada tanah orang lain, lehernya akan dilingkari dengannya hingga ke bawah tujuh lapisan bumi.

Hadith ini mengandungi penjelasan bahawa bumi mempunyai tujuh lapisan seperti langit (Ibn Hajar, 2001:5/126, Al-Nawawi, 1929:11/48). Ibn Hajar selanjutnya menyatakan bahawa tujuh lapisan tersebut tidak bercampur antara satu sama lain (Ibn Hajar, 2001:5/126) Maksud hadith ini juga bertepatan dengan penemuan sains geologi yang mengesahkan bumi mempunyai tujuh lapisan (Zaghul, 2004:19).

Selain itu, terdapat sebuah hadith saih lain yang memperlihatkan kewujudan bilangan yang sama bagi langit dan bumi (Ahmad 1995: 6/154-157) iaitu:

إِنَّ نَبِيًّا أَنْهَا نُوحًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا حَضَرَتِهِ الْوَفَاءُ قَالَ لِابْنِهِ إِنِّي قَاصِدٌ عَلَيْكَ الْوَصِيَّةَ أَمْرِكَ بِثَنَتَيْنِ وَأَنْهَاكَ عَنِ الثَّنَتَيْنِ وَأَمْرِكَ بِلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَإِنَّ السَّمَوَاتِ السَّبْعَ وَالْأَرْضَيْنِ السَّبْعَ لَوْ وُضِعْتُ فِي كَفَةٍ وَوُضِعْتُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فِي كَفَةٍ رَجُحْتُ بِهِنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ..

Maksudnya : Sesungguhnya nabi Allah Nuh a.s. ketika hampir wafat telah berkata kepada anaknya: sesungguhnya aku tinggalkan wasiat ke atas kamu, aku perintahkan kamu dengan dua perkara dan aku larang kamu daripada dua perkara, aku perintahkan kamu dengan *la ilah illa Allah* sesungguhnya tujuh langit dan tujuh bumi sekiranya diletakkan di atas satu timbangan dan diletakkan *la ilah illa Allah* di atas satu timbangan nescaya akan lebih berat *la ilah illa Allah*.....

Hadith ini menunjukkan bahawa bumi dan langit mempunyai persamaan daripada sudut penciptaan dan juga bilangan lapisan (Al-Albani, 1995:1/133).

Setakat penelitian terhadap nas-nas daripada al-Quran dan al-Sunnah berkaitan dengan penciptaan langit dan bumi, tidak terdapat nas-nas yang mengaitkan dengan kewujudan pusat tasik Puah Janggi dan juga “seberang laut” seperti mana yang dipercayai oleh masyarakat Melayu. Perbincangan ini merumuskan bahawa bahawa kepercayaan-kepercayaan yang tidak berteraskan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah ini ada hubungkaitnya dengan sejarah kosmologi Melayu itu sendiri. Sejarah kosmologi Melayu pada zaman tradisi memperlihatkan bahawa mitos merupakan sumber terpenting dalam kajian tentang kosmologi Melayu asli. Selain daripada mitos, satu aspek yang turut memberi warna kepada pembentukan kosmologi Melayu ialah pengaruh kepercayaan asing khususnya Hindu-Buddha. Ini bertepatan dengan kenyataan oleh Abdul Rahman dalam bukunya *Falsafah Alam*

*Semesta di Nusantara Tradisi dan Reaksi dalam Sejarah Kosmologi Melayu* (Abdul Rahman, 1998: 10,16).

4. Alam terbentuk daripada empat unsur iaitu tanah, api, air dan angin dan unsur-unsur inilah membentuk diri manusia.

Kejadian alam yang memiliki unsur air dapat didasari dengan ayat al-Quran iaitu Surah Hud ayat ke-7 :

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سَتَةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ

Maksudnya : Dan Dia yang mencipta langit dan bumi dalam masa enam masa dan adalah Arasy (Allah) di atas air.

Menurut al-Tabari, telah wujud arasy di atas air sebelum penciptaan langit dan bumi serta isi kandungannya (Al-Tabari, 2000:15/245). Selaras dengan ayat itu juga, Danial Zainal Abidin mengemukakan pandangan bahawa air merupakan unsur yang telah wujud pada peringkat awal proses kejadian langit dan bumi sebelum wujudnya hidupan lain. Beliau selanjutnya mengemukakan fakta saintifik bahawa para saintis mendapati angkasa dipenuhi dengan molekul-melekul air pada peringkat awal kejadian alam yang sekaligus menggambarkan bahawa air merupakan unsur yang tidak dapat dipisahkan daripada proses kejadian alam berbilion-bilion tahun dahulu (Danial, 2010: 51). Selain itu, terdapat ayat lain yang menceritakan bahawa air adalah asas kepada segala kehidupan. Dalam surah al-Anbiya' ayat 30:

وَجَعَلَنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ

Maksudnya : Daripada air kami jadikan segala sesuatu yang hidup.

Ayat ini juga memberi indikasi bahawa air merupakan sumber utama kehidupan (Al-Baghawi, 1997:5/316). Bertitik tolak daripada ayat tersebut, dapat dikatakan bahawa air bukan sahaja penting dalam proses kejadian langit dan bumi, bahkan penting bagi segala hidup-hidupan di dunia (Danial, 2010: 106).

Selain daripada ayat tersebut, terdapat sebuah hadith dalam *Sahih Muslim* (Al-Nawawi, 1929:9/3) yang senada dengan perbahasan di atas. Hadith yang dimaksudkan adalah:

كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرُ الْخَلَائِقِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِخَمْسِينِ الْفَ سَنَةٍ قَالَ وَعَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ

Maksudnya : Sesungguhnya Allah menentukan ketentuan-ketentuan mengenai semua makhluk 50,000 tahun sebelum kejadian langit dan bumi. Dan Arasy-Nya di atas air.

Selaras dengan itu, Ibn Hajar ketika mengulas mengenai hadith Arasy Allah di atas air (كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ وَكَانَ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ... ) mengemukakan pandangan bahawa air dan arasy adalah dua prinsip asas alam ini kerana kedua-duanya diciptakan sebelum penciptaan langit dan bumi (Ibn Hajar, 2001: 6/334).

Selain daripada air, penciptaan alam turut dikaitkan dengan asap. Kenyataan ini berpandukan ayat al-Quran dalam surah Fussilat ayat 11:

ثُمَّ اسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلأَرْضِ ائْتِنَا طَوْعًا أَوْ كُرْهًا..

Maksudnya : Kemudian Dia menuju ke langit dan bumi pada masa itu berbentuk asap lalu Dia berkata kepadanya (langit) dan bumi, datanglah kamu berdua dengan tunduk atau terpaksa.

Kalimah *dukhan* dalam kitab *Tafsir al-Jalalayn* ditafsirkan sebagai *bukhar murtafi'* yang boleh difahami sebagai asap yang tinggi. (Al-Suyuti et. al, 2000:9/227). Manakala, al-Baghawi pula mentafsirkannya sebagai *bukhar al-ma'* yang membawa maksud wap air. (Al-Baghawi, 1997:7/165). Justeru, ayat ini menjadi asas bahawa kejadian langit dan bumi berasal daripada asap. Asap menurut penemuan sains semasa lahir daripada satu suasana yang panas dan suasana kejadian alam pada peringkat awalnya adalah panas (Danial, 2010:40-41).

Selanjutnya, istilah *dukhan* yang terdapat dalam ayat ini juga dinyatakan mempunyai beberapa unsur dan salah satu unsurnya adalah wap yang berasal daripada air. Oleh yang demikian, dikatakan segala sesuatu dijadikan daripada air (Abdul Rahman, 1998: 114). Ini selari dengan mafhum ayat al-Quran (surah al-Anbiya':30) bahawa segala sesuatu dijadikan daripada air termasuklah kejadian alam itu sendiri.

Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa kejadian alam ini seperti yang dibahaskan di atas tidak bertepatan secara langsung dengan apa yang dibincangkan oleh orang Melayu bahawa alam ini dijadikan daripada angin dan api. Namun secara logik akal situasi berasap sememangnya boleh berhasil apabila wujudnya gabungan angin dan api.

Merujuk kepada aspek kejadian manusia, unsur tanah yang membentuk jasmani manusia mempunyai dalil daripada al-Quran, antaranya dari pati tanah – al-Saffat :11, dari tanah yang panas dan berbau – al-Hijr : 28, dari tanah yang keras seperti tembikar – al-Rahman : 14, dari tanah bumi, al-Najm : 32. Oleh itu, manusia dan alam adalah berkait rapat memandangkan kejadian fizikal manusia terbentuk daripada elemen alam itu sendiri (Noor Shakirah, 2004 :154).

Selain berasal daripada tanah, kejadian manusia juga mempunyai unsur air. Dalam al-Quran, kenyataan ini dapat dirujuk dalam surah al-Furqan: 54 dan juga surah al-Tariq : 5-7. Di dalam surah al-Furqan, penciptaan manusia daripada air dinyatakan secara langsung iaitu:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا..

Maksudnya : Dan Dia (Allah) yang menciptakan manusia daripada air..

Manakala dalam surah al-Anbiya': 30 pula menjelaskan bahawa setiap benda yang hidup diciptakan daripada air (Al-Baghawi 1997: 5/316). Justeru, tidak dapat disangkal lagi bahawa manusia sememangnya diciptakan oleh Allah mempunyai unsur air (Danial, 2010:109).

##### 5. Konsep Nur Muhammad.

Terdapat sebuah hadith yang dikaitkan dengan konsep Nur Muhammad (Al-Albani, 1995:1/ 457) iaitu hadith :

أُولَئِكَ مَا خَلَقَ اللَّهُ نُورٌ نَّبِيُّكُمْ يَا جَابِرٌ

Maksudnya : Awal yang diciptakan oleh Allah ialah nur nabi engkau wahai Jabir

Status hadith ini dipertikaikan daripada beberapa sudut:

i- Hadith ini yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzaq mempunyai para periyawat yang tidak dikenalpasti identitinya. Justeru, pegangan yang berdasarkan hadith ini bukanlah berdiri di atas asas yang sahih (Al-Albani, 1995 1/258).

ii- Wujud pertentangan antara hadith ini dengan hadith lain yang berstatus sahih iaitu :

خَلَقَتِ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخَلَقَ إِبْلِيسَ مِنْ نَارِ السَّمَوَاتِ وَخَلَقَ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ مَا قَدْ وَصَفَ لَكُمْ

Maksudnya : Diciptakan malaikat daripada cahaya, dan diciptakan iblis daripada api yang panas, dan diciptakan Adam daripada apa yang telah diterangkan kepada kamu.

Hadith ini menjadi bukti jelas yang menunjukkan bahawa hanya malaikat sahaja yang diciptakan daripada cahaya. Dengan itu, Adam dan keturunannya tidak termasuk dalam kategori penciptaan yang berasal daripada cahaya (Al-Albani, 1995 1/457).

iii- Selain itu, terdapat hadith sahih yang menunjukkan bahawa *al-qalam* merupakan ciptaan Allah yang pertama, bukannya Nur Muhammad (Al-Albani, 1995: 1/257-258). Hadith yang dimaksudkan ialah:

إِنَّ أُولَئِكَهُمْ خَلَقُوهُمْ تَعَالَى الْقَلْمَ وَأَمْرَهُ أَنْ يَكْتُبَ كُلَّ شَيْءٍ يَكُونُ

Maksudnya : Sesungguhnya awal sesuatu yang diciptakan oleh Allah ialah *al-qalam* dan ia diperintahkan untuk menulis setiap sesuatu yang berlaku

#### 6. Bumi terletak dia atas tanduk lembu.

Tidak terdapat dalil naqli yang sahih yang boleh dijadikan sandaran kepada kepercayaan sebegini. Namun didapati kisah mengenai kedudukan bumi terdapat terdapat dalam kitab-kitab tafsir dengan pelbagai versi. Ini termasuklah kitab tafsir karangan Ibn Kathir, al-Tabari, al-Baghawi dan lain-lain khususnya ketika mentafsir ayat-ayat dalam beberapa surah antaranya, al-Baqarah : 29 dan surah Nun : 1 (Ibn Kathir, 1999:1/214, 8/185, al-Tabari, 2000:1/435, 23/521, al-Baghawi, 1997:8/182). Riwayat yang terdapat dalam kitab *Tafsir al-Tabari* misalnya memaparkan kisah bumi yang terletak di atas belakang ikan paus (Al-Tabari, 2000:1/435, 23/521). Kisah-kisah begini dibawakan selepas tafsiran kepada ayat-ayat yang berkaitan tanpa diberikan penjelasan lanjut. Namun pentahqiq kepada kitab-kitab tafsir ini telah merumuskan bahawa kisah-kisah seumpama ini adalah bersumberkan israiliyat atau cerita-cerita rekaan (Ibn Kathir, 1999: 8/185).

Selain itu, terdapat sebuah hadith yang menceritakan mengenai kedudukan bumi, iaitu bumi terletak di atas air, air tersebut terletak di atas batu. Walau bagaimanapun, hadith ini berstatus palsu. Hadith yang dimaksudkan adalah:

الأَرْضُ عَلَى الْمَاءِ وَالْمَاءُ عَلَى صَخْرَةٍ وَالصَّخْرَةُ عَلَى ظَهَرِ حُوتٍ يَلْقَى حِرْفَاهُ بِالْعَرْشِ....

Maksudnya : Bumi di atas air, dan air di atas batu, batu di atas belakang ikan paus yang bertemu hujungnya dengan arasy..

Di samping itu, terdapat juga sebuah lagi hadith palsu yang menceritakan mengenai kedudukan bumi yang terletak di atas batu dan batu tersebut berada di atas tanduk lembu jantan, pergerakan lembu tersebut menyebabkan berlakunya gempa bumi:

وَهِيَ الْزَلْزَلَةُ  
إِنَّ الْأَرْضَ عَلَى الصَّخْرَةِ وَالصَّخْرَةُ عَلَى قَرْنِ ثُورٍ فَإِذَا حَرَكَ الثُورُ قَرْنَهُ تَحَرَّكَ الصَّخْرَةُ فَقَحْرَكَتِ الْأَرْضُ

Maksudnya : Sesungguhnya bumi di atas batu, dan batu di atas tanduk lembu jantan, maka apabila lembu jantan itu menggerakkan tanduknya akan bergeraklah batu tersebut maka bergeraklah dunia iaitu gempa bumi

Ibn Qayyim mengkategorikan hadith seumpama ini sebagai *hadhayan* iaitu yang tidak rasional dan bersifat khayalan. Terdapat bukti-bukti sahih yang menunjukkan kebatilan hadith-hadith seumpama ini (Ibn Qayyim, 1988:74-75).

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas berkaitan dengan kosmologi Melayu yang berlegar-legar dalam karya-karya tempatan yang kemudiannya dianalisis berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Secara keseluruhannya didapati bahawa elemen-elemen kosmologi Melayu tentang penciptaan alam yang terdapat dalam karya-karya berkenaan ada yang bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah, umpamanya kepercayaan mengenai kewujudan alam ghaib dan alam nyata serta alam nyata diciptakan daripada empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin, tanpa menafikan terdapat juga elemen tertentu yang dilihat yang amat bertentangan, contohnya Ilmu Martabat Tujuh yang mengutarakan konsep bahawa kewujudan Allah dan alam adalah satu. Oleh itu, walaupun kemungkinan masyarakat Melayu masa kini tidak mengetahui atau menghiraukan perkara-perkara ini, namun untuk jangka panjang sebaiknya karya-karya tersebut disunting semula dengan disertakan rujukan yang benar tentang kedudukan sesuatu aspek.

Usaha ini tetap perlu dilakukan dari semasa ke semasa kerana dikhuatiri terdapat juga dalam kalangan masyarakat yang mengaitkan secara tidak langsung kepercayaan-kepercayaan begini dengan akidah, sebagai contoh dalam sesetengah perbincangan yang melibatkan Nur Muhammad yang dikatakan sebagai kejadian pertama dan daripada Nur Muhammad inilah alam diciptakan. Kepercayaan ini bercanggah dengan hadith yang sah sandarannya kepada Nabi SAW yang menunjukkan bahawa *al-qalam* adalah ciptaan Allah yang awal. Dalam konteks ini, kepercayaan yang tidak berdasarkan al-Quran dan Sunnah yang sahih berupaya menggugat akidah umat Islam. Lebih penting lagi, akidah adalah asas keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Falsafah alam semesta di nusantara tradisi dan reaksi dalam sejarah kosmologi Melayu*. Sungai Petani: Yusran Publishing House.
- AbdulFatah Haron Ibrahim. (1994). *Wahdat al-wujud dan ithnainiyat al-wujud: Perbandingan*. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Kuala Lumpur. 25 Januari.
- Ahmad, Muhammad b. Hanbal. (1995). *Al-Musnad li al-Imam Ahmad b. Muhammad b. Hanbal*. Ahmad Muhammad Shakir (pnyt.). Kaherah: Dar al-Hadith.
- Albani, Muhammad Nasir al-Din al-. (1995). *Silsilah al-hadith al-sahihah wa shai'un min fiqhihā wa fawā'iḍihā*. Riyadah: Maktabah al-Ma'arif li Nashr wa al-Tawzī'.

- Albani, Muhammad Nasir al-Din al-. (2000). *Silsilah al-ahadith al-da‘ifah wa al-mawdu‘ah wa atharuha al-sayyi’ fi al-ummah*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy. (1999). *Konsep kosmologi*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- ‘Asqalani, Ahmad b. ‘Ali b. Hajar al-. (2001). *Fath al-Bari bi sharh sahih al-Imam al-Bukhari*. ‘Abd al-Qadir Shaibah al-Hamid (pnyt.). Riyadh: *Tubi ‘ala Nafaqah al-Amir Sultan Abd al-Aziz Al Su ‘ud*.
- Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn b. Mas‘ud al-. (1997). *Ma‘alim al-tanzil*. Muhammad Abdullah al-Namr et.al (pnyt.). Madinah: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Danial Zainal Abidin. (2010). *Quran Saintifik meneroka kecemerlangan quran daripada teropong sains*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Hamdan Hassan. (1990). *Surat al-Anbiya’*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (2002). *Pemikiran Melayu tentang alam dan hakikat diri*. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (pnyt.). Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hourani, George F. (1966). Islamic cosmology. *The Muslim World*, 56(1): 18-22. Blackwell Publishing Ltd.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Ismail b. Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Shami b. Muhammad Salamah (pnyt.). Madinah: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din Muhammad b. Abi Bakr. (1988). *Al-Manar al-muniffi al-sahih wa al-daif*. Ahmad ‘Abd al-Shafi (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibrahim, M. R. (2011). The genesis of epistemology in Islamic theology. *Jurnal al-Abqari*, vol. 1, 21-32.
- Mahadzir Mohd. Khir. (1994). Budaya politik baru Melayu. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Kuala Lumpur. 25 Januari.
- Mu‘allimi, ‘Abd al-Rahman b. Yahya. (1958). *Al-Anwar al-kashifah lima fi kitab adwa’ ala al-sunnah*. Cairo: al-Matba‘ah al-Salafiyyah.
- Muhammad Abu Bakar. (1994). *Kosmologi Melayu dalam konteks kebangkitan semula islam kini: Suatu refleksi*. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Kuala Lumpur. 25 Januari.
- Nasir, M. A. (2014). Pandangan Islam tentang pendidikan karakter: Tela’ah terhadap kitab Bidayah al-Hidayah karya Imam al-Ghazali. *Jurnal al-Abqari*. vol. 4. 89-114.
- Nawawi, Mahy al-Din Yahya b. Sharf al-. 1929. *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Cairo: Al-Matba‘ah al-Misriyyah.

- Noresah Baharom. (2007). *Kamus dewan (edisi ke empat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2004). Rohani manusia dan alam sekitar dari perspektif Islam. *Jurnal IKIM*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Suyuti, Jalal al-Din al- & al-Muhalli, Jalal al-Din. (2000). *Tafsir al-Jalalayn*. Abu Faris al-Dihdah (pnyt.). Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun.
- Tabari, Muhammad b. Jarir b. Yazid b. Kathir b. Ghalib Abu Ja‘far al. (2000). *Jami‘ al-bayan fi ta’wil al-Quran*. Ahmad Muhammad Shakir (pnyt.). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et.al. (2016). Elemen Anti Hadis Dalam Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Oleh Kassim Ahmad: Satu Penilaian. *Jurnal al-Abqari*. Vol. 6, 8-34.
- Zaghul El-Naggar. (2004). *Treasures in the Sunnah A Scientific Approach*. Cairo: Al-Falah Foundation.